

DANA KHAIRAT KEMATIAN (DKK) DALAM EKOSISTEM KEWANGAN SOSIAL HALAL DI MASJID KG PARIT MUHAMMAD, PARIT SULONG BATU PAHAT JOHOR: KONSEP DAN APLIKASI

DEATH KHAIRAT FUND IN HALAL SOCIAL FINANCIAL ECOSYSTEM IN MASJID KG PARIT MUHAMMAD, PARIT SULONG BATU PAHAT JOHOR: CONCEPT AND APPLICATION

ⁱ*Setiyawan Gunardi, ⁱAzman Ab. Rahman, ⁱAhmad Zaki Salleh, ⁱⁱKhairunneezam Mohd Noor, ⁱSyed Mohd Najib Syed Omar, ⁱMuneer Ali Abdul Rab, ⁱZawin Hannan Sofea Shahbuddin.

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

ⁱⁱFakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Corresponding Author): setiyawan@usim.edu.my

ABSTRAK

Tabung dana khairat kematian (DKK) merupakan keperluan kehidupan umat Islam semasa, kerana ianya berkaitan kos pengurusan jenazah. DKK untuk memberi persediaan awal bagi para ahli ketika menghadapi kematian. Oleh itu, perlu wujud kajian secara konsep dan aplikasi bagi melihat kedudukan menurut syariah. Bahkan DKK juga merupakan ekosistem kewangan sosial halal yang perlu dikaitkan antara satu sama lain bagi menyelaraskan ekosistem. Secara amalan, DKK ini amat diperlukan para ahli yang terlibat dalam badan khairat kematian. Masjid kg parit Muhammad, parit sulong Batu Pahat Johor merupakan salah satu masjid yang menjalankan pengurusan khairat kematian perlu dikaji secara mendalam bagi melihat konsep dan aplikasi. Objektif kajian ini mendedahkan konsep dan aplikasi tabung DKK yang dikategorikan dalam ekosistem kewangan sosial halal kepada para ahli. Kajian menggunakan metod kualitatif melalui pendekatan kajian kepustakaan dan temubual berstruktur. Seterusnya akan dianalisis berdasarkan kepada data yang terkumpul. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep gotong royong/taawun merupakan asas model dalam tabung DKK melalui kutipan sumbangan tabung setiap hari jumat di masjid kg parit Muhammad. Implikasinya konsep dan aplikasi DKK ini menunjukkan kepada ekosistem kewangan sosial halal menjadi sistem asasi dalam tabung DKK. Para ahli khairat kematian mendapat jaminan sosial dalam membiayai kos pengebumian jenazah.

Kata Kunci: Dana khairat kematian, ekosistem kewangan sosial halal, masjid, konsep dan aplikasi

ABSTRACT

The death khairat fund (DKF) is a necessity in the lives of Muslims today, because it is related to the cost of funeral management. DKF to provide early preparation for members when facing death. Therefore, there needs to be a conceptual and application study to see the position according to sharia. Even DKF is also a halal social financial ecosystem that needs to be linked to each other to coordinate the ecosystem. In practice, this DKF is essential for members involved in death khairat association. The mosque kg Parit Muhammad, Parit Sulong, Batu Pahat Johor is one of the mosques that carry out death khairat management needs to be studied in depth to see the concept and application. The objective of this study is to reveal the concept and application of the DKF categorized in the halal social financial ecosystem to the members. The study used qualitative methods through the literature review approach and structured interviews. Next will be analyzed based on the collected data. The results of this study found that the concept of gotong royong/taawun is the basis of the model in the DKF through the collection of fund contributions every Friday at the mosque kg parit Muhammad. The implication of

this DKF concept and application shows the halal social financial ecosystem to be a basic system in the DKF. The members of the death khairat get social guarantee in financing the cost of the burial of the body.

Keyword (s): Death khairat fund, halal social financial ecosystem, mosque, concept and application

PENGENALAN

Kehidupan manusia di muka bumi ini akan menghadapi kematian sebagaimana lazimnya. Hal ini merupakan satu proses perjalanan manusia yang perlu kepada pengurusan yang baik dan profesional. Tidak dinafikan bahawa sesungguhnya pada zaman sekarang proses pengebumian jenazah memerlukan pembiayaan yang tidak sedikit, sama ada tinggal di bandar, daerah, kariah dan kampung. Oleh itu, proses ini memerlukan dana kewangan yang biasa disebut sebagai dana khairat kematian (DKK). Melalui tabung ini, para ahli yang menghadapi kematian akan mendapat manfaat untuk menguruskan pengebumian jenazah secara asasnya. Berkemungkinan juga mendapat bantuan lain kepada keluarga waris, seperti bantuan sara hidup untuk 1 (satu) bulan.

DKK mempunyai konsep dalam menguruskan kewangan bermula daripada kutipan sehinggalah kepada agihan. Badan-badan yang mengendalikan DKK perlu membuat cadangan terbaik dalam mengelola dana tersebut. Sekiranya DKK dapat diurus dengan baik, maka semua pihak yang terlibat akan merasai kebajikan tersebut. Selain itu, mereka juga akan berasa bersedia menghadapi kematian yang mungkin berlaku bila-bila masa tanpa harus menyusahkan pihak ahli keluarga dan masyarakat, sehingga mereka mendapat jaminan sosial daripada tabung tersebut. DKK ini mempunyai ekosistem kewangan halal lagi sosial. Ini membawa makna bahawa pentadbiran DKK yang meliputi pengurusan harta melalui pendekatan kewangan halal. Selanjutnya, ketika proses ini menjadi satu bentuk kebersamaan antara satu sama lain, maka ini menunjukkan sifat sosial yang menjadi amalan masyarakat Islam pada masa kini. Keterkaitan antara khairat kematian dan ekosistem kewangan sosial memang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Badan-badan yang menguruskan tabung kewangan biasa ditubuhkan di masjid. Hal ini jelas bahawa sesungguhnya masjid mempunyai peranan penting dalam mengelola semua perkara yang berbangkit di dalam masjid, termasuklah pengurusan kematian. Salah satunya adalah masjid kampung parit Muhammad, parit sulong Batu Pahat Johor yang mempunyai model pengurusan yang unik. Oleh itu, perlu dikaji bagi mendapat formula pengurusan DKK yang diamalkan masyarakat Islam di kampung ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan efisien dan progresif, sehingga mendatangkan beberapa objektif sebagaimana berikut:

- 1) Mendedahkan konsep yang digunapakai dalam urus tadbir dana kewangan khairat kematian.
- 2) Menjelaskan ekosistem kewangan sosial yang menjadi keperluan masyarakat Islam yang dikategorikan sebagai halal dari aspek prosuder, yang dikaitkan dengan DKK.
- 3) Menganalisa konsep dan aplikasi dana khairat kematian yang diamalkan di masjid kampung parit Muhammad, parit sulong Batu Pahat Johor

METODOLOGI KAJIAN

Usaha merealisasikan perbincangan ini, maka metod yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif. Secara amnya, memang isu yang diketengahkan akan dilihat melalui kajian kepustakaan dan kajian penulisan ilmiah, seperti buku ilmiah, artikel jurnal, akhbar dan lain-lain yang menyokong hasil dapatan. Manakala daripada aspek amalan semasa adalah melalui pendekatan temubual berstruktur bersama dengan pihak masjid, iaitu Tn. Hairudin bin Tukimin (2022) yang menjawat sebagai pengerusi jenazah di masjid kg Parit Muhammad, Parit Sulong Batu Pahat Johor. Setelah dikumpulkan, maka pada peringkat akhir akan disimpulkan secara analisis deskriptif bagi mendapat hasil kajian yang berkualiti.

PERBINCANGAN

Tabung Khairat Kematian adalah simpanan wang (yuran) yang dikumpul untuk kebajikan ahli-ahlinya dalam menghadapi kematian pada suatu ketika nanti. Pengurusan kematian memerlukan perbelanjaan kelengkapan dan pengurusan jenazah, upah tukang mandi dan penggali kubur dan sebagainya. Secara konsep, tabung khairat kematian ialah setiap anggota atau setiap keluarga yang berdaftar dengan dana ini akan dikenakan membayar wang caruman, sama ada bulanan atau tahunan. Amaun caruman pula berbeza bergantung pada jumlah manfaat yang akan dibayar sebagai bantuan apabila ada ahli yang meninggal dunia. Maka, jika besar wang caruman, maka banyaklah jumlah manfaat bantuan yang bakal diperolehi. Kebiasaannya ia wujud di surau-surau atau masjid-masjid. Tabung Khairat Kematian juga tidak termasuk dalam harta pusaka si mati, maka ia boleh digunakan untuk kemudahan ahli keluarga si mati termasuklah untuk membantu membiayai kos pengurusan jenazah.

Takrif Khairat Kematian (KK)

Khairat berasal dari perkataan Arab yang bermaksud "kebajikan." Di Malaysia, khususnya bagi umat Islam, biasanya dalam sesebuah komuniti seperti masyarakat FELDA, kampung dan taman perumahan, satu badan khairat kematian dilantik bagi menguruskan urusan pengebumian mereka yang meninggal dunia. KK dalam skala penduduk ini beroperasi seperti skim perlindungan insurans. Setiap bulan, setiap keluarga di kawasan itu perlu membayar sejumlah wang kepada penjaga amanah tabung itu. Kutipan duit ini akan digunakan bagi setiap kali berlakunya kes kematian untuk membeli kelengkapan jenazah dan urusan pengebumian (Jefri Yusof, 2022).

Konsep Khairat Kematian

Khairat Kematian berkonsepkan kepada taawun, iaitu saling tolong menolong antara satu sama lain. Secara konsepnya, para ahli KK saling tolong menolong dalam menguruskan pengebumian jenazah (Setiyawan et.al., 2022)

Dalil tentang taawun telah dinyatakan dalam Al-Quran, surah Al-Maidah 5: 2, Allah berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya;

Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Dari ayat di atas, menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk sosial yang memerlukan orang lain dalam memenuhi keperluan hidupnya. Agama Islam mengarahkan tujuan dan bentuk tolong-menolong menjurus ke arah kebaikan dan untuk segala perkara yang baik serta bermanfaat atas izin Allah (SWT). Hal ini bermakna bahwa tolong-menolong itu berdasarkan kepada iman, kebenaran, dan untuk mendapatkan keredhaan Allah (SWT). Demikian juga dengan KK dalam amalannya, ianya mempunyai nilai *taawun* antara ahli yang terlibat di dalam badan khairat kematian tersebut. Mengumpulkan dana kebajikan bersama-sama untuk membuat persediaan pembelanjaan dalam menghadapi kematian bagi menguruskan jenazah yang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengebumian.

Diriwayatkan oleh sahabat Jarir Bin Abdilllah al-Bajali radhiallahu 'anhu (Muslim # 1017), dia berkata: Rasulullah bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ،
وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya:

Barang siapa merintis (memulai) dalam agama Islam sunnah (perbuatan) yang baik maka baginya pahala dari perbuatannya tersebut, dan pahala dari orang yang melakukannya (mengikutinya) setelahnya, tanpa berkurang sedikitpun dari pahala mereka. Dan barang siapa merintis dalam Islam sunnah yang buruk maka baginya dosa dari perbuatannya tersebut, dan dosa dari orang yang melakukannya (mengikutinya) setelahnya tanpa berkurang dari dosa-dosa mereka sedikitpun.

Merujuk kepada sebab penurunan hadith ini ialah mereka berpandangan bahawa para tokoh-tokoh yang terlibat bersama Rasulullah (SAW) dalam kejadian itu, salah seorang sahabat menghidupkan bid'ah/perkara yang baharu namun begitu Rasulullah tidak menentanginya. Ini menunjukkan bahawa wujudnya bid'ah yang baik atau hasanah. Untuk melihat dengan lebih teliti akan kebenarannya, terdapat sirah nabawiyah yang menceritakan dan mengulas dengan lebih lanjut akan penyebab penurunan hadith tersebut. Sebab penurunan hadith riwayat ini ialah kerana hadith tersebut telah turun ketika sekelompok suku Mudhor yang sangat miskin telah datang ke Madinah. Kemiskinan mereka jelas dapat dilihat melalui aurat mereka yang mudah tersingkap apabila diterpa angin kerana hanya berpakaian bulu-bulu yang bergaris-garis dan koyak.

DKK merupakan satu bentuk skim yang baharu yang dikategorikan ke dalam bidang kewangan Islam, kerana ianya dilihat dari segi sistem dan mekanisme dalam melaksanakan skim ini. Pengumpulan wang khairat ini menggunakan ekosistem kewangan sosial lagi halal, iaitu bertujuan untuk saling bantu-membantu dalam menguruskan kematian. Ia juga termasuk daripada satu bentuk kewangan dalam merealisasikan sosial atau masyarakat. Manakala halal adalah melihat salah satu skim yang halal dari aspek pengurusan harta Islam. DKK yang bertujuan menghidupkan tradisi kebajikan bersama di kalangan masyarakat Islam dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini, sehingga masyarakat akan mendapat jaminan sosial pada sesuatu masa ketika berlaku kematian.

Selain daripada itu, juga mempunyai nilai takaful dalam menjalankan DKK. Takaful berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *kafala* yang bermaksud beriltizam dan bergabung. Pada istilah pula, ia bermakna memikul tanggungjawab terhadap sesuatu hak yang telah disahkan menjadi tanggungan orang lain. Atau untuk mengemukakan orang yang akan bertanggungjawab terhadap sesuatu hak orang lain atau terhadap barang yang dijamin. Ulama-ulama Maliki, Syafie dan Hanbali mendefinisikan jaminan sebagai penggabungan tanggungjawab penjamin kepada tanggungjawab orang yang dijamin (si berhutang) dalam menunaikan hak yang dituntut iaitu hutang. Maka, maksud kafalah ialah suatu kontrak yang mewajibkan pihak yang dinamakan sebagai penjamin bertanggungjawab terhadap hak yang ditanggung oleh orang lain (al-Khin et.al. 2010).

Kontrak ini *harus* dan dibenarkan oleh syariah. Terdapat banyak nas yang menunjukkan sedemikian, antaranya firman Allah (SWT), surah al-Baqarah 2: 185:

Maksudnya:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran".

Dan juga firman Allah (SWT), surah Yusuf 12: 72,

Maksudnya:

"Orang-orang menteri menjawab: "Kami kehilangan cupak raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu".

Berkenaan dengan kisah Mus'ab bin Umair yang dikatakan menjadi dalil ketidakharusan mengambil harta orang lain dalam pengurusan jenazah. Terdapat juga hadith (al-Bukhari #3914, Muslim #940) yang menjelaskan:

Maksudnya:

"Khabbab berkata: Kami berhijrah di jalan Allah bersama-sama Rasulullah S.A.W hanya untuk mencari keredhaan Allah S.W.T, maka Allah akan memberikan ganjarannya kepada kami (termasuk di antaranya adalah harta rampasan perang Badr). Namun ada di antara kami yang belum pernah mempeolehi ganjarannya sedikitpun, salah seorangnya ialah Mus'ab bin 'Umair, kerana dia terbunuh ketika perang Uhud. Saat itu, tidak ada sesuatu pun untuk mengkafaninya kecuali sehelai kain burdah, apabila kami letakkan di atas kepalanya, maka kedua kakinya akan ternampak, namun jika kami meletakkannya di atas kedua kakinya, maka kepalanya pula akan ternampak. Maka Rasulullah S.A.W menyuruh kami untuk menutupi kepalanya dengannya (burdah itu), dan letakkan Idzkhir (sejenis tumbuh-tumbuhan) di atas kedua kakinya. Namun di antara kami ada yang sempat mengecapi hasilnya iaitu berkesempatan merasakan ganjaranNya di dunia".

Berdasarkan kisah Mus'ab bin 'Umair, perlu difahami bahawa Mus'ab bin 'Umair hanya dikafani dengan sehelai kain miliknya kerana dua perkara. Pertama, kerana Mus'ab bin 'Umair tergolong bersama orang-orang yang syahid di jalan Allah (Ibn Hajar, 2015). Kedua, kerana adanya hukum khusus berkenaan orang yang mati syahid dari aspek memandikannya dan mengkafkannya. Orang yang syahid tidak perlu dimandikan atau disolatkan, malah disunatkan untuk terus dikebumikan bersama-sama pakaian yang dipakainya ketika mati (al-Nawawi, 2008).

Menurut Imam al-Syafi'i, ditanggalkan dari tubuh seorang syuhada apa jua pakaian yang jarang dipakai manusia seperti pakaian berasaskan kulit atau bulu, *khuf* (stokin yang diperbuat daripada kulit) dan sebagainya, manakala dibiarkan pakaian kebiasaan yang dipakainya ketika syahid (al-Nawawi, 2008).

Ini berdalilkan hadith Jabir (RA), (Abu Daud #3133):

Maksudnya:

"Seorang lelaki dipanah pada dadanya atau pada lehernya kemudian ia meninggal. Lalu ia dibiarkan memakai pakaian sebagaimana apa adanya. Dan kami bersama Rasulullah (SAW) ketika itu".

Walau bagaimanapun, para ulama berbeza pendapat berkenaan suruhan Nabi Muhammad (SAW) ini sama ada atas sebab sunnah dan aulawiyat (keutamaan) atau kemestian.

Pertama, kerana ia merupakan sunnah. Imam al-Nawawi berkata: Maka, pemerintah mempunyai pilihan sama ada untuk menanggalkan pakaian orang yang syahid itu dan dikafankan dengan pakaian yang lain atau dibiarkannya dikebumikan dengan pakaiannya ketika syahid. Maka tiada larangan bagi kedua-duanya, namun dibiarkan ia lebih baik (al-Nawawi, 2008).

Kedua, ia adalah wajib di sisi mazhab Maliki, sebahagian ulama' mazhab Hanbali, Imam al-Syaukani dan Ibn al-Qayyim. Imam al-Mardawi (salah seorang ulama Mazhab Hanbali) berkata: Maksudnya: Dan yang shahih di sisi kami (mazhab Hanbali) ialah wajib dikebumikan orang yang syahid dengan pakaian yang dipakainya ketika syahid (Muhd Farhan, 2019).

Setiyawan (2012) menjelaskan bahawa takaful dan taawun merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan satu sama lain dalam melaksanakan kebajikan secara berkelompok.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada kajian temubual berstruktur bersama seorang ahli pengerusi jenazah, Hairudin bin Tukimin (2022) di masjid kg Parit Muhammad, Parit Sulong Batu Pahat Johor bahawa konsep yang

digunakan adalah berasaskan gotong royong. Memiliki ahli jawatan kuasa di bawah naungan masjid, yang mana pengerusi menaungi ahli kariah bagi 1 (satu) masjid dan 2 (dua) surau berhampiran kawasan kampung. Caruman atau sumbangan berasal daripada kutipan sumbangan setiap hari Jumat di masjid sebanyak 35% dari hasil kutipan setiap Jumat. Dana khairat kematian (DKK) menaungi seluruh ahli kariah di kampung berkenaan, tiada pendaftaran keahlian mahupun yuran tahunan ahli. Semua kutipan (35% dari sumbangan hari jumat setiap minggu) akan disalurkan terus ke akaun khairat kematian yang khusus dan tidak bercampur dengan kewangan serta dana masjid yang lain. Sekiranya jenazah meninggal dunia di luar kawasan masjid (seperti hospital dan lain-lain) pihak pengurusan tetap akan mengambil dan menguruskan jenazah sekiranya dimohon oleh ahli waris. Kos pengurusan jenazah bagi ahli kariah kampung akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak masjid, dibantu pengurusan oleh orang kampung yang telah ditunjuk oleh AJK dan laporan akan diberikan dalam masa seminggu kepada ahli waris.

Manfaat DKK

DKK mempunyai manfaat kepada para waris dalam menguruskan pengebumian jenazah ahli keluarga (Hairudin 2022). Butiran manfaat ini adalah sebagaimana berikut:

Bil	Perkara	RM
1	Kain kafan	150
2	Keranda	150
3	Kenderaan	50/100
4	Saguhati pengali liang lahad	150
5	Pelbagai	50
	Jumlah keseluruhan	550-600

Sekiranya berlaku kematian, mana-mana perkara di atas yang diurus sendiri oleh waris, dibolehkan menuntut kepada Tabung DKK. Masyarakat atau ahli kariah amat bersetuju dengan pengurusan jenazah ini. Oleh itu, pihak AJK masjid menyokong kutipan dan agihan yang dibuat, melantik bendahari serta jawatan kuasa pengurusan jenazah. Hasil kutipan yang telah dimasukkan ke tabung DKK akan diumumkan kepada orang kampung secara berkala dan berterusan. Hal ini, bagi memberi penjelasan berkaitan proses pengurusan jenazah kepada masyarakat, sehingga mereka mendapat kepercayaan yang mendalam kepada pengerusi tabung DKK.

Pengurusan Masjid

Hairudin bin Tukimin (2022) mengatakan berkaitan masjid kg Parit Muhammad, Parit Sulong Batu Pahat Johor sangat relevan bagi melantik pengerusi dan AJK masjid dalam menguruskan DKK. Pemilihan calon akan dilantik melalui perbincangan oleh AJK Masjid. AJK masjid menaungi pelaksanaan DKK, sedangkan bagi pelaksanaan harian/semasa yang diperlukan terutama bagi pengurusan jenazah akan dilantik lagi mengikut keperluan dan keahlian serta yang dapat melaksanakan dengan komitmen yang tinggi. Untuk pemilihan calon akan dilantik melalui perbincangan oleh AJK Masjid.

AJK masjid menaungi pelaksanaan DKK, sedangkan bagi pelaksanaan harian / semasa yang diperlukan terutama bagi pengurusan jenazah akan dilantik lagi mengikut keperluan dan keahlian serta yang dapat melaksanakan dengan komitmen yang tinggi. Dari aspek proses pengurusan DKK pula perlu membuat draft dan susunan atur bagi menaungi seluruh ahli kariah yang terlibat (Ahli kariah meliputi 1 masjid dan 2 surau berhampiran). Jawatan kuasa pengurusan DKK hendaklah melantik pengerusi khas bagi tabung khairat kematian. Mewujudkan akaun khas bagi DKK dan tidak mencampurkannya dengan dana masjid yang lain. Urusan keluar masuk kewangan di dalam akun khairat kematian masjid hanya akan dilakukan oleh bendahari tabung khairat kematian sahaja. Seterusnya, dilaporkan kepada ahli waris, pihak pengurusan masjid dan diumumkan kepada ahli kariah melalui pengumuman bertulis serta pembentangan setahun sekali.

Pihak masjid melakukan pengauditan bagi pengurusan tabung DKK setahun sekali, dilakukan pembentangan kewangan khairat kematian kepada ahli kariah dan kutipan dipamerkan secara bertulis di papan kenyataan masjid bagi pengetahuan orang ramai. Caruman DKK tidak diambil dan diagihkan kepada pihak pengurusan masjid. Dari aspek kutipan, institusi masjid tidak perlu mempunyai sijil kebenaran kutipan bagi DKK daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai jaminan mengutip. Dari aspek simpanan pula, institusi hanya melibatkan penggunaan akaun Bank Rakyat bagi menyimpan kutipan yang telah diterima. DKK juga dikembangkan melalui kerjasama melalui media masjid / surau, juga melalui media sosial yang telah dibentuk.

Gambar 1.1 Sistem Kutipan Khairat daripada Tabung Derma Mingguan (Setiap Jumat)

DERMA MINGGUAN			
DIS 2022			
2/12	1	MASJID RM 1107	RM 719.55
		KHAIRAT	RM 387.45
9/12	2	MASJID RM 1.175	RM 768.75
		KHAIRAT	RM 411.25
16/12	3	MASJID RM 926	RM 601.90
		KHAIRAT	RM 324.10
23/12	4	MASJID RM	RM
		KHAIRAT	RM
30/12	5	MASJID RM	RM
		KHAIRAT	RM
JUMLAH			

Sumber: Papan kenyataan masjid kg Parit Muhammad, Parit Sulong Batu Pahat Johor

KESIMPULAN

DKK amat diperlukan masyarakat Islam dalam menguruskan pengebumian jenazah. Bagi mengelakkan isu-isu berbangkit, seperti konsep yang digunakan dalam memproses DKK, maka dapat disimpulkan bahawa akad penyertaan perlu jelas sehingga membolehkan waris dapat menyelesaikan proses pengurusan jenazah dengan pantas mengikut kehendak syarak.

Pengurusan tabung DKK ini menggunakan konsep gotong-royong atau disebut juga dengan akad taawun/saling kerjasama, bantu membantu satu sama lain sesama ahli. Implikasinya akan memberi kemudahan agihan ketika berlaku kematian ahli.

Masjid memainkan peranan penting dalam menjaga kemaslahatan orang Islam. Tabung DKK adalah salah satu urusan yang dikendalikan masjid kebanyakannya. Masjid kampung parit Muhammad, parit sulong Batu Pahat Johor yang mempunyai model pengurusan yang unik. Dari segi kutipan, mereka mengambil sumber daripada tabung setiap hari Jumat di masjid sebanyak 35% dari hasil kutipan setiap Jumat. Perkara ini diputuskan agar tidak menyusahkan ahli untuk membuat bayaran kepesertaan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai pemberi dana terhadap penerbitan kertas kerja ini di bawah geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SS10/USIM/02/4)

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Mohd ibn Ismail Abu Abd Allah al-Ju'fi. 1407H/1987. *Sahih al-Bukhari*. Ed. ke-3. Beirut: Dar Ibn Kathir al-Yamamah Al-Khin, Mustafa Said, Mustafa al-Bugha, Ali al-Shuraiji. (2010). *Al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Shafi'i*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf ibn Mari ibn Hasan al-Hizami al-Hurani. (2008). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Muhaqqiq: Muhammad Najib al-Muti'i. Jeddah: Maktabat al-Irshad.
- Hairudin bin Tukimin. Pengerusi jenazah. 20 Disember 2022. Masjid kg Parit Muhammad, Parit Sulong Batu Pahat Johor. *Konsep dan Amalan dalam Tabung Dana Khairat Kematian* (Temuduga Personal).
- Ibn Hajar, Ahmad ibn Ali ibn Muhammad al-Kanani al-Asqalani. (2015). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Muhaqqiq: Abd Aziz Ibn Baz, Muhammad Fuad al-Baqi, Muhibb al-Din al-Khatib. Al-Qahirah: al-Matbaah al-Salafiyyah wa Maktabatuha.
- Jefri Yusof. (2022). Kepentingan Khairat Kematian (Serta 13 Jenis Tuntutan Khairat Kematian Oleh Waris)", <https://ilabur.com/kepentingan-khairat-kematian/>
- Muhd Farhan. (2019). Mufti Of Federal Territory, Malaysia, "Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-339: Hukum Membiayai Kos Pengurusan Jenazah Menggunakan Wang Khairat Kematian", <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/3840-irsyad-al-fatwa-siri-ke-339-hukum-membiayai-kos-pengurusan-jenazah-menggunakan-wang-khairat-kematian>
- Muslim, Abū Husayn ibn al-Hujjāj al-Qushayri al-Nisābūri. t.th. *Sahih Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth
- Setiyawan Gunardi. (2012). Retakaful: Penilaian Terhadap Konsep, Prinsip dan Aplikasinya Menurut Perspektif Syariah. Tesis Phd. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Setiyawan Gunardi, Azman Ab. Rahman, Ahmad Zaki Salleh, Khairunneezam Mohd Noor, Syed Mohd Najib Syed Omar & Zawin Hannan Sofea Shahbuddin. (2022). Kedudukan Skim Khairat Kematian dalam Sistem Kewangan Islam ke Arah Memperkasa Produk Perkhidmatan Halalan Tayyiban: Syariah dan Undang-Undang Malaysia. E-Proceeding International Virtual Conference on Contemporary Fiqh and Law (ICONFIQH LAW 2022). Bangi: Pusat Kajian Syariah UKM.